



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**UNSUR EMOSI PASIF DALAM HIKAYAT NAKHODA MUDA DAN
HIKAYAT PARANG PUTING**

NADIATUL SHAKINAH BINTI ABDUL RAHMAN

FBMK 2018 70



UNSUR EMOSI PASIF DALAM *HIKAYAT NAKHODA MUDA* DAN *HIKAYAT PARANG PUTING*

Oleh

NADIATUL SHAKINAH BINTI ABDUL RAHMAN

Tesis diserahkan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia dalam memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Julai 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

UNSUR EMOSI PASIF DALAM *HIKAYAT NAKHODA MUDA* DAN *HIKAYAT PARANG PUTING*

Oleh

NADIATUL SHAKINAH BINTI ABDUL RAHMAN

Julai 2018

Pengerusi: Arba'ie bin Sujud, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik tolak daripada pandangan yang menjelaskan sastera adalah sumber yang kaya dengan nilai dan emosi. Malah, unsur emosi merupakan unsur pembantu dan pelengkap dalam menghasilkan sesebuah karya sastera. Hal ini kerana emosi adalah pemangkin dalam menambat keseluruhan karya sastera kerana unsur tersebut merupakan bahan asas dalam menghasilkan karya sastera. Sastera juga dihubungkaitkan dengan fungsi *catharsis* iaitu dalam mendidik dan memandu emosi manusia menjadi lebih stabil apabila berhadapan dengan sesuatu tragedi, peristiwa, tekanan emosi dan kemelut hidup. Tambahan pula, sastera yang mengandungi adegan-adegan yang beremosi seperti kesedihan adalah lebih memuaskan dan jauh jangkauannya kerana kegembiraan bersifat dangkal dan hanya jelas di permukaan sahaja. Sehubungan itu, kajian ini akan berfokus kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti jenis-jenis emosi pasif, membincangkan punca dan kesan emosi pasif terhadap watak dan perwatakan serta menganalisis rasionalisasi emosi pasif berlandaskan Islam terhadap watak dan perwatakan. Kajian ini menggunakan dua buah sastera hikayat zaman peralihan iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* sebagai data kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, analisis data kajian dan penerapan Model Terapi Terancang (MTT) yang diubahsuai daripada *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) dan Modul Nur Iman-REBT sebagai pengukuhan hujahan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat enam jenis emosi pasif iaitu sedih, nestapa (murung), pilu, malu, rasa bersalah dan hiba. Punca peristiwa yang menjadi penyebab kesan emosi pasif seperti pengembaraan, perkahwinan, fitnah, percintaan dan kemiskinan. Apabila emosi terganggu kaedah-kaedah untuk merasionalkan emosi pasif berlandaskan Islam digunakan sebagai langkah penyelesaian iaitu sedekah, reda (redha) dan pujuhan. Justeru itu, kajian ini memperlihatkan bahawa gangguan emosi (emosi pasif) muncul akibat peristiwa-peristiwa yang dialami oleh watak dan kaedah berlandaskan Islam digunakan sebagai penyelesaian gangguan emosi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of requirement for the Degree of Philosophy

**PASSIVE EMOTIONAL ELEMENT IN *HIKAYAT NAKHODA MUDA* AND
*HIKAYAT PARANG PUTING***

By

NADIATUL SHAKINAH BINTI ABDUL RAHMAN

July 2018

Chairman: Arba'ie bin Sujud, PhD

Faculty: Modern Language and Communication

This research was based on the explanatory view that literature is the source that enriched with values and emotions. Even more, the emotional element is an assisting and complementary element to produce a literary masterpiece. This is due to the fact that emotion is a foundational element and indeed a catalyst in making a quality literary masterpiece. Often times, literature has been associated with the catharsis functions that are to educate and govern humans' emotions to a level of stability in responding the unexpected tragedy, events, emotional tensions and tribulations happened in life. In addition, literature that comprises the emotional scenes such as sadness is more satisfying and far-reaching while the scenes with happiness attribution is perceived to be shallow and appeared to be superficial. Thus, this research has focused on three main objectives that were to identify the types of passive emotions, discuss the cause and effect of passive emotions played by characters as well as to analyse the rationalization of passive emotion on the basis of Islam towards the characters component. This research uses two classical Malay tales in medieval period which were *Hikayat Nakhoda Muda* and *Hikayat Parang Puting* as the research data. This research was conducted through the library research, research data analysis and application of Planned Therapy Model (PTM) that has been adapted from Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT) and *Nur Iman*-REBT Module as the supporting argument. The findings found that there were six types of passive emotions which were sad, sorrow (depress), melancholy, shame, guilt and mournful. The scene causes that has the passive emotions were travelling, marriage, slander, love and poverty. When emotion disrupted, the methods of rationalization of passive emotions based on Islamic principles were used as the solutions which were giving charity, acceptance and consolation. Therefore, this research highlighted that the emotional disruption (passive emotion) appeared due to the scenes experienced by the characters and the Islamic methods have been used as the resolutions.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad serta keluarga dan para sahabat baginda sekalian. Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya memberikan saya kesihatan yang baik, masa dan kematangan fikiran dapatlah saya menyempurnakan penulisan tesis ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan Dr. Salmah Jan Noor Muhammad serta Dr. Rozita Che Rodi selaku ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang telah memberikan tunjuk ajar, bimbingan, bantuan dan nasihat kepada saya sehingga dapat menyiapkan penulisan tesis ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada staf-staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) dan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), Singapura kerana telah banyak membantu dalam menyiapkan tesis ini.

Buat abah En. Abdul Rahman Abu Hassan, mama Pn. Nor'Aini Shaharuddin dan adik-adik Nizam, Najmi, Najib dan Nasriq, terima kasih di atas sokongan, nasihat dan doa yang dihulurkan. Tanpa kalian adalah sukar untuk menyiapkan kajian ini. Malah, tesis ini adalah hadiah yang paling bernilai buat kalian. Tidak dilupakan buat sahabat-sahabat yang sentiasa memberikan kata semangat dan nasihat serta dorongan sepanjang tempoh kajian ini dilakukan.

Akhir kata, diucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menaja pengajian saya melalui biasiswa MyPhd. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Nadiatul Shakinah binti Abdul Rahman,
No.83, Jalan Bunga Raya 1,
Taman Bunga Raya,
33000, Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.
2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Arba'ie Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Salmah Jan Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rozita Che Rodi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nadiatul Shakinah Abdul Rahman (GS38868)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Arba'ie Sujud

Tandatangan: _____
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Salmah Jan Noor Muhammad

Tandatangan: _____
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Rozita Che Rodi

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.4.1 Bidang Psikologi dan Emosi	8
1.4.2 Sastera Hikayat	9
1.4.3 Bidang Ilmu Teori <i>Rational Emotive Behaviour Therapy</i> (REBT)	9
1.4.4 Masyarakat	9
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Definisi Operasional	10
1.6.1 Emosi Pasif	10
1.7 Kesimpulan	12
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Sorotan Literatur Emosi	13
2.3 Sorotan Literatur Teks Hikayat	35
2.4 Sorotan Literatur <i>Rational Emotive Behaviour Therapy</i> (REBT)	37
2.5 Kesimpulan	43
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	44
3.2 Kaedah Kajian	44
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	44
3.2.2 Kaedah Analisis Data Kajian	44
3.2.3 Kaedah Penerapan Teori	46
3.3 <i>Rational Emotive Behaviour Therapy</i> (REBT)	46
3.3.1 Latar Belakang REBT	46
3.3.2 Teori Asas REBT	47
3.4 Modul Nur Iman-REBT	52
3.5 Model Terapi Terancang (MTT)	53
3.6 Kesimpulan	55
3.7 Kerangka Konseptual Kajian	56

4	UNSUR EMOSI PASIF DALAM <i>HIKAYAT NAKHODA MUDA</i> DAN <i>HIKAYAT PARANG PUTING</i>	
4.1	Pengenalan	57
4.2	Jenis-Jenis Emosi Pasif	57
4.2.1	Sedih	57
4.2.2	Nestapa	64
4.2.3	Pilu	75
4.2.4	Malu	78
4.2.5	Rasa Bersalah	82
4.2.6	Hiba	86
4.3	Punca dan Kesan Emosi Pasif Terhadap Watak dan Perwatakan	89
4.3.1	Pengembaraan	89
4.3.2	Perkahwinan	95
4.3.3	Fitnah	100
4.3.4	Percintaan	104
4.3.5	Kemiskinan	106
4.4	Rasionalisasi Emosi Pasif Berlandaskan Islam Terhadap Watak dan Perwatakan	108
4.4.1	Sedekah	109
4.4.2	Reda (Redha)	112
4.4.3	Pujukan	114
4.4.3.1	Pujukan Percakapan (Kata-kata)	114
4.4.3.2	Pujukan Perbuatan (Sentuhan)	118
4.5	Kesimpulan	120
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	121
5.2	Rumusan Jenis-Jenis Emosi Pasif	121
5.3	Rumusan Punca dan Kesan Emosi Pasif Terhadap Watak dan Perwatakan	123
5.4	Rumusan Rasionalisasi Emosi Pasif Berlandaskan Islam Terhadap Watak dan Perwatakan	123
5.5	Cadangan	124
5.6	Kesimpulan	125
RUJUKAN		126
LAMPIRAN		137
BIODATA PELAJAR		139
SENARAI PENERBITAN		140

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Tatacara dan Proses Data Analisis Kualitatif	45
2	Terapi Rawatan Modul Nur Iman-REBT	53
3	Komponen dan Prinsip dalam Model Terapi Terancang (MTT)	54
4	Kerangka Konseptual Kajian	56

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DWT	<i>Discrete Wavelet Transform</i>
EMD	<i>Empirical Mode Decomposition</i>
IKEE	Inventori Keberkesanan Emosi Ellis
JAFFE	<i>Japanese Female Facial Expression</i>
KOMSAS	Komponen Sastera
KPOP	Pop Korea
NLB	National Library Board (Lembaga Perpustakaan Negara)
NUS	National University of Singapore (Universiti Kebangsaan Singapura)
MOOC	<i>Massive Open Online Course</i>
MTs	Madrasah Tsanawiyah
MTT	Model Terapi Terancang
RT	<i>Rational Therapy</i>
RET	<i>Rational Emotive Therapy</i>
REBT	<i>Rational Emotive Behaviour Therapy</i>
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMP	Sekolah Menengah Pertama

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sastera Melayu bukan sahaja merupakan luahan buah fikiran pengarang yang berbentuk gagasan idea dan pemikiran semata-mata namun turut menyelitkan unsur emosi dan perasaan di dalamnya. Tanpa unsur emosi, sesebuah karya akan menjadi kosong, hambar dan mendatar. Hal ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man (2005:22-23) yang menyatakan bahawa unsur emosi memainkan peranan yang besar dalam sesebuah karya malah juga merupakan pemangkin dalam menambat atau mengikat keseluruhan isi karya (Siti Hajar Che Man, 2006: 62-63). Selain itu, Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abd. Rahman (2011:1-2) turut memberikan pandangan bahawa hasil sastera adalah lontaran idea dan amanat penulis untuk disampaikan dan direnungi oleh pembaca. Tambahan pula, dalam menjelaskan idea, penulis perlu menggabungkan daya rasa (*sensori*) agar dapat menyuntik perasaan khalayak dan meninggalkan kesan perasaan seperti simpati, benci dan marah kepada khalayak.

Sehubungan itu, pengarang mengambil inisiatif dan menggunakan daya kreativiti dalam mempelbagaikan gaya hasil penulisan karya. Pengaruh mengolah unsur emosi seperti gembira, sedih, marah, dendam, duka, malu, dan kasih sayang. Pengarang juga turut mengadun bahasa yang menyentuh perasaan khalayak seperti yang digambarkan dalam setiap karya yang dihasilkan. Hal ini jelas diperlihatkan dalam karya sastera terutamanya karya yang berbentuk prosa. Sebagai contoh, dapat ditelesuri menerusi lontaran dialog watak-watak utama atau watak protagonis. Pemaparan unsur emosi dalam karya turut ditampakkan melalui struktur jalan cerita. Penceritaan yang beremosi ditampilkan menerusi peristiwa-peristiwa yang dialami oleh watak-watak dalam karya sastera. Dalam hal ini, Ismail Yusoff (2008:1) menyatakan bahawa karya sastera bercorak prosa mampu untuk menawan hati dan dapat menyentuh perasaan audiens seperti terharu, sedih, ngeri, gembira dan suspen.

Menurut Oatley et. al. (2006:400) di dalam cerita-cerita bertulis atau prosa lazimnya emosi dan kesannya terdapat pada klimaks penceritaan. Ini kerana penceritaan tersebut menyelitkan puisi, cerita fiksyen dan cerita rakyat yang membawa kepada unsur emosi. Justeru, dapat dikatakan bahawa emosi dalam sesebuah karya juga menjadi fokus dan tumpuan kepada sesebuah cerita. Dalam penghasilan karya, pengarang akan mencurahkan segala emosinya yang hadir secara spontan dan tanpa diduga. Malah, otak manusia juga akan berfungsi dalam memproses dan menganalisis emosi tersebut berdasarkan fikiran manusia yang menjadi pencetus emosi. Perkara ini sebagaimana yang diperkatakan oleh Abdul Halim Ali (2005:61) menjelaskan bahawa emosi merupakan satu “benda” yang menggunakan perkataan untuk mencetuskan perasaan atau sikap yang subjektif.

Emosi lahir daripada hati setelah dianalisis oleh minda. Oleh yang demikian, daripada analisis inilah juga terkesan sesuatu pemikiran atau prinsip seseorang. Sesuatu tindakan dan cara berfikir seseorang manusia sebenarnya merupakan terjemahan daripada sifat emosinya. Oleh yang demikian, pengarang akan memanfaatkan dan mengeksploitaskan segala emosi serta mencetuskan pelbagai perasaan dalam dirinya terhadap karya yang dihasilkan.

Lazimnya, pengarang mengadun dan mengolah unsur emosi dalam karya sastera itu berdasarkan perasaan yang dialaminya apabila berhadapan dengan sesuatu peristiwa. Dalam hal ini, gambaran emosi-emosi tersebut jelas diperlihatkan melalui watak-watak di dalam hasil karyanya. Pengolahan emosi adalah berdasarkan sesuatu yang dilihat, dirasai dan didengari. Pengarang akan menyelitkan peristiwa-peristiwa yang dapat menjentik dan mencuit kesan emosi dan perasaan kepada khalayaknya. Hasilnya, kewujudan emosi ini dapat menarik khalayak untuk terus menikmati karya tersebut. Dalam hal ini, Rozita Ahmad (2005:437) menjelaskan secara umumnya emosi dikaitkan dengan sesuatu yang dirasai oleh seseorang individu tatkala berhadapan dengan sesuatu situasi tertentu. Emosi sering kali dikaitkan sebagai suatu bentuk pengalaman manusia kerana yang mencetuskan perasaannya pada masa itu, datang dari perkara yang dilihat, dirasa atau ditanggapi daripada persekitarannya.

Tambahan pula, Rozita Ahmad (2005:437) turut berpendapat bahawa emosi akan memberi isyarat kepada pemikiran untuk melakukan sesuatu tindakan sebagai respons terhadap perasaannya itu. Kesan dari itu terhasilnya pelbagai reaksi sama ada yang berbentuk positif mahupun negatif seperti sedih, gembira, sayu, marah, kecewa, malu dan sebagainya. Perasaan-perasaan seperti inilah yang dialami oleh pengarang lalu mencurahkan perasaannya itu ke dalam karya sastera sebagaimana yang digambarkan melalui watak-watak dalam teks sastera. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Siti Hajar Che Man (2006:62-63):

Kebiasaan cerita-cerita yang digubah oleh pengarang adalah berdasarkan kehidupan yang difahami oleh pengarang atau berkait rapat dengan peristiwa yang pernah didengar atau dilalui. Sememangnya fitrah manusia yang gemar menceritakan apa-apa yang dilihat, dirasai, didengar, dialami dan dilaluinya. Peristiwa suka duka, peperangan, kejayaan, kepedihan, kesenangan yang menjadi inti pati si pencerita dalam hubungannya yang khusus. Khalayak yang akan menilai karya, perlu bersedia dengan imaginasi, kecerdikan, simpati dan empati, penilaian moral dan kuasa penghayatan. Justeru, gangguan dan kepedihan yang dialami dan dirasai waktu berada dalam teks, baik sebagai pengarang mahupun sebagai khalayak, memberikan satu kepuasan yang luar biasa, indah dan kagum kerana pengalaman benar-benar berjaya diadunkan.

Oleh yang demikian, berdasarkan pandangan tersebut membuktikan bahawa dalam menghasilkan sesebuah karya sastera perlulah diadun dengan baik. Penggunaan bahasa yang indah, jalan cerita yang menarik dan mengetengahkan unsur-unsur emosi dalam karya dapat menimbulkan kesan emosi dan perasaan khalayak. Hal ini kerana kepelbagaiannya emosi yang terkandung di dalam karya sastera merupakan satu bahagian yang terpenting dan menjadi pusat tumpuan di dalam sesebuah teks. Menurut Johnson-Laird dan Oatley (2010:110) sastera yang dihasilkan oleh pengarang mampu untuk mendorong khalayak dalam merasai emosi watak yang dipersembahkan dalam karya. Malah, pandangan ini turut dipersetujui oleh pendapat Sohaimi Abdul Aziz (2002:86) yang menjelaskan bahawa pengarang haruslah menghasilkan karya yang mampu merangsang emosi tetap pembaca. Karya sastera yang tidak mampu merangsang tindak balas estetik pembacanya tidak mempunyai nilai artistik dan karya seperti ini tidak boleh dikelaskan sebagai karya sastera yang indah.

Emosi dan perasaan yang dianugerahkan Tuhan kepada manusia akan membentuk tindak balas, reaksi dan tingkah laku yang berbagai-bagai. Malah, emosi dan perasaan ini juga memainkan peranan penting dalam kehidupan. Hal ini kerana penganugerahan emosi dan perasaan manusia membezakan manusia dengan makhluk ciptaan Tuhan yang lain. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Azlena Zainal (2007:25) bahawa emosi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia kerana emosi mempengaruhi sebahagian besar kehidupan, bermula dari saat seseorang dilahirkan sehingga ke akhir hayatnya. Tiada satupun manusia yang lahir tanpa emosi dan sering kali emosinya terserlah sebelum kebolehan seseorang berfikir dapat dipamerkan.

Lantaran itu, kepentingan emosi dan perasaan dalam diri manusia memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia itu sendiri kerana emosi dan perasaan tersebut akan mewarnai jalan hidup manusia. Sekiranya, emosi dan perasaan manusia adalah positif maka akan mendorong kepada hal-hal atau peristiwa yang positif. Namun begitu, jika sebaliknya emosi dan perasaan manusia adalah negatif maka akan mendorong kepada hal-hal atau peristiwa yang negatif. Sehubungan itu, Ismail Zain (2006:21) berpendapat bahawa kehidupan manusia juga tidak akan lengkap sekiranya manusia tidak memiliki perasaan. Terdapat pelbagai perasaan yang dialami oleh manusia setiap hari. Ada perasaan yang membantu ke arah perkara yang positif dan ada juga perasaan yang membawa kepada perkara negatif. Perkara ini turut diakui oleh Mohd. Saleh Lebar (1999:49) bahawa individu yang mempunyai emosi yang baik dan tenang dengan mudahnya dapat mengawal emosi tersebut. Namun begitu, ada sesetengah individu yang sukar untuk mengawal emosinya jika menghadapi sesuatu masalah.

Oleh yang demikian, dapat dijelaskan bahawa emosi terbahagi kepada dua jenis iaitu emosi positif dan emosi negatif. Emosi positif akan membentuk perilaku yang positif dan baik manakala emosi negatif akan membawa kepada perilaku dan tindak balas yang negatif.

Menurut Zahir Ahmad dan Ahmad Hakimi Khairuddin (2005:558) bahawa emosi boleh dibahagikan kepada dua iaitu yang bersifat positif dan negatif. Emosi positif dijelmakan dalam bentuk-bentuk perlakuan seperti kasih sayang, cinta, bahagia, beradab dan gembira. Manakala emosi negatif seperti dendam, marah, sedih, dan duka adalah bertentangan dengan emosi positif.

Emosi dan perasaan dalam diri individu kadang kala akan mengganggu tindakan diri individu tersebut. Dalam hal ini, istilah tersebut dikenali juga sebagai gangguan emosi. Individu yang mengalami gangguan emosi akan cenderung untuk melakukan sesuatu di luar batasan dan kawalan akal fikiran. Gangguan emosi lebih terarah emosi negatif yang disebut juga sebagai emosi pasif. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Rahmat Ismail (2000:6) yang menjelaskan bahawa apabila emosi dan perasaan seseorang itu terganggu, maka akan mempengaruhi perlakuannya. Emosi yang terkawal pula akan membawa kepada hubungan yang positif dengan orang lain.

Oleh yang demikian, apabila berlakunya gangguan emosi dan perasaan dalam diri individu akan mendorong kepada tercetusnya emosi pasif. Individu yang mengalami gangguan emosi ini akan lebih cenderung untuk melakukan sesuatu perkara atau tindakan di luar batasan dan kawalan akal fikiran. Perkara yang sedemikian ini berlaku akibat daripada pemikiran tidak rasional individu tersebut terhadap situasi yang terjadi pada dirinya. Dalam hal ini, Amida Abdul Hamid (2004:43) dan Arnold (1970:302) menjelaskan bahawa kemunculan emosi yang sebegini berlaku kerana tidak didorong oleh unsur-unsur logika dan pemikiran rasional. Maka, keadaan ini menyebabkan tercetusnya emosi yang sedemikian akibat di luar kawalan logika dan rasional individu. Malah, individu yang bertindak di bawah pengaruh emosi digolongkan sebagai individu yang bertindak tidak rasional. Individu yang dikuasai sesuatu emosi akan bertindak tanpa pertimbangan yang waras.

Selain itu, gangguan emosi dengan jelasnya akan memberi kesan yang diperlihatkan melalui perubahan emosi, pemikiran dan tingkah laku manusia yang dipamerkan melalui perubahan wajah, sikap, gerak tubuh dan tingkah laku. Menurut M. Darwis Hude (2006:18) hal sebegini berlaku kerana emosi adalah satu gejala psiko-fisiologi yang menimbulkan kesan kepada persepsi, sikap dan tingkah laku serta mewujudkan pelbagai bentuk ekspresi tertentu. Emosi dirasakan secara psiko-fizikal kerana berkait langsung dengan rohani dan jasmani. Tambahnya lagi, kemunculan emosi atau ekspresi emosi itu dapat dilihat berdasarkan empat kriteria utama iaitu ekspresi wajah, ekspresi suara, ekspresi sikap dan tingkah laku serta ekspresi lain (M. Darwis Hude, 2006:46-53). Gangguan emosi yang dikaitkan dengan emosi pasif akan mendorong manusia kepada perasaan yang tidak menyenangkan. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu emosi dan perasaannya tetapi turut mengganggu pemikirannya sehingga mempengaruhi dirinya untuk melakukan sesuatu di luar kawalan akibat ketidakstabilan emosinya itu. Dalam hal ini, Zubaidi Ahmad (2012:143) menjelaskan bahawa gangguan emosi yang tidak terkawal akan menyebabkan munculnya emosi pasif dalam diri seperti perasaan sedih, murung, duka dan derita.

1.2 Pernyataan Masalah

Kesusasteraan biasanya dikaitkan dengan penampilan melalui bahasa dan perasaan-perasaan yang sering kali berisikan emosi yang berbagai-bagai rupa seperti suka, duka, sedih dan gembira. Tambahan pula, bahasa yang digunakan dapat menggerakkan pembaca menggunakan minda untuk berfikir dan seterusnya menganalisis dan merumuskannya. Kesemua pengarang berusaha untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang puitis dan imej-imej yang dapat menggerak timbal balik yang segera daripada pembacanya. Jika dilihat dari sudut teori ekspresif, kesusasteraan merupakan hasil-hasil yang terungkap dari pancaran rasa spontan para pengarang.

Emosi sebagai unsur pembantu dan pelengkap yang digarap bersama dapat menjadikan sebuah karya itu berkesan. Unsur emosi dalam kesusasteraan juga dapat dianggap sebagai sesuatu manisan atau rempah ratus yang mengenakkan makanan jiwa. Emosi juga adalah bahan dasar yang memainkan peranan besar dalam sesebuah karya sastera seperti yang dijelaskan oleh Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man (2005:22-23) serta Sohaimi Abdul Aziz (2012:175).

Selain itu, pengarang yang menghasilkan karya sastera bukan sahaja untuk dijadikan sebagai saluran hiburan, didikan, teladan dan panduan semata-mata. Namun, karya yang dihasilkan juga merupakan medium pengarang dalam mengekspresikan segala emosi dan perasaannya kepada khalayak. Tujuannya agar khalayak dapat menghayati, memahami dan menjiwai segala elemen yang terkandung dalam karya sastera. Hal ini bertepatan dengan pendapat Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005:134-135):

Unsur emosi dan kesusasteraan pernah dihubungkaitkan oleh Aristotle dengan fungsi *catharsis* iaitu untuk mendidik dan memandu emosi manusia bagi menjadikannya lebih stabil apabila berdepan dengan sesuatu tragedi, tekanan emosi dan kemelut hidup. Beliau juga turut menambah bahawa kesusasteraan Melayu mempunyai sumber yang kaya dengan nilai dan emosi. Malah, kesusasteraan Melayu perlu dimanfaatkan untuk membentuk keperibadian generasi muda. Karya-karya sastera Melayu yang bermutu tinggi waima yang berupa novel, cerpen, drama, sajak, puisi dan prosa tradisional bukan sahaja berperanan sebagai wahana tetapi mampu menggilap potensi diri khalayak. Khalayak yang menghayati watak dan perwatakan dalam sesebuah karya yang dibacanya dapat memperkembang emosinya sendiri. Misalnya, watak dalam karya yang memperlihatkan emosi seperti simpati, sedih, kecewa dan pasrah. Dengan itu, khalayak yang menjiwainya akan turut beremosi dan bersimpati terhadap watak-watak yang terdapat dalam karya sastera tersebut.

Berdasarkan pandangan tersebut, jelaslah bahawa sastera yang kaya dengan emosi adalah merupakan elemen penting. Hal ini kerana melalui karya sastera yang dihasilkan dapat mendekatkan jiwa pengarang dengan khalayak. Dalam masa yang sama, khalayak juga dapat menyelami emosi pengarang menerusi watak dan peristiwa dalam sesebuah karya. Kewujudan emosi ini juga turut dapat memberi manfaat, mengilap diri khalayak dan membantu ke arah perkembangan emosi. Malah, kepelbagaiannya emosi yang terkandung di dalam karya sastera mampu untuk menarik emosi diri khalayak terhadap pemaparan cerita melalui watak-watak tersebut.

Dalam hal ini, Muhammad Haji Salleh (1999:87) turut memberikan pandangan yang sama mengenai penyerapan unsur emosi dalam karya sastera yang digambarkan oleh pengarang menerusi watak-watak dalam teks yang mengalami peristiwa-peristiwa yang mengusik emosi khalayak. Muhammad Haji Salleh (1999:87) juga menyatakan bahawa kata-kata simpatetik pengarang juga dapat membantu menyerapkan peristiwa-peristiwa ke dalam diri watak-watak seterusnya mencipta emosi yang dialami. Cara ini dengan mudah dapat memberi kesan kepada karya sastera dan watak-watak yang terdapat di dalam karya tersebut. Tambahnya lagi, karya sastera yang berendam dengan adegan-adegan emosi juga menjadi unsur estetikanya. Kesedihan ini mempersembahkan alat yang disebut sebagai ‘jelira seni’ (*catharsis*). Hal ini kerana emosi adalah lebih memuaskan dan lebih jauh jangkaunya malah, kegembiraan pula biasanya agak dangkal dan lebih jelas di pembukaan sahaja (Muhammad Haji Salleh, 1999:98). Berdasarkan pandangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa unsur emosi yang menyediakan (emosi pasif) di dalam sastera adalah lebih meluas dan terperinci jika dibandingkan dengan unsur emosi yang menggembirakan (unsur positif).

Pada kesinambungan di atas, lazimnya karya sastera moden terutamanya bergenre novel kaya dengan unsur emosi. Hal ini kerana pengarang yang menghasilkan novel dapat mengungkapkan pengalaman manusia khususnya hubungan manusia dengan emosi yang jelas ketara dapat dilihat melalui novel Melayu. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Endraswara (2006: 8) bahawa karya sastera adalah fenomena kemanusiaan yang sangat kompleks. Kerumitan ini menyebabkan sastera dikaji dengan menggunakan bantuan disiplin lain sebagai sokongannya seperti psikologi sastera. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui kajian emosi dan psikologi dalam novel seperti yang dilakukan oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2015), Chen dan Mawar Shafie (2017), Nordiana Hamzah dan Azhar Wahid (2017), Nordiana Hamzah (2014), Siti Khariah Mohd Zubir dan Nor Hasimah Ismail (2014), Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain dan Nur Yuhanis Mohd Nasir (2017).

Selain novel, terdapat juga beberapa kajian mengenai emosi dalam genre yang lain. Misalnya, genre puisi moden iaitu sajak seperti kajian Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Normaliza Abd Rahim (2015), Mary Fatimah Subet (2017). Kajian emosi dalam genre puisi tradisional iaitu pantun dilakukan oleh Noor Hanoor Mohamad Nor (2016). Kajian emosi dalam genre sastera epik dan historiografi pula telah dilakukan oleh Rozaimah Haji Rashidin (2016).

Kajian emosi dalam genre lirik lagu pula dilakukan oleh Zaharah Osman (2016), Normaliza Abd Rahim, Siti Nur Aliaa Roslan dan Nur Maisarah Roslan (2017) manakala, kajian emosi dalam cerita kanak-kanak telah dikaji oleh Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Intan Zahariah Gaisun (2014).

Melalui pengamatan, kajian yang berfokuskan kepada emosi dalam sastera hikayat seperti *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* belum lagi diketengahkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Puteh Noraihan A. Rahman dan Zahir Ahmad (2017), Rahimah Hamdan dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2014) serta Rahimah Hamdan dan Shahrum Abdullah (2017) yang tidak menyentuh sebarang emosi dalam kajian mereka. Justeru, kajian ini akan mengkaji emosi yang berbentuk negatif (emosi pasif). Sememangnya emosi pasif berlawan arus disebabkan ramai pengkaji yang berminat mengkaji dari aspek positif. Emosi pasif ialah emosi yang tidak pernah dikehendaki manusia malah selalu berusaha untuk menghindarinya walaupun tidak mudah untuk melakukannya. Kesulitan dalam hal ini amat berkait dengan realiti kehidupan yang telah diatur bersesuaian dengan kehendak manusia. Tambahan pula, tidak ada manusia yang sanggup mengatur kehidupannya untuk kesenangan sahaja kerana kesedihan, ketakutan, kekesalan dan kekecewaan hadir tanpa diduga dan tiada manusia yang sanggup mengelumang dengan kesedihan yang berterusan kecuali diri sendiri yang mengehendaki sedemikian (M. Darwis Hude, 2006: 241).

Emosi pasif ini sekiranya tidak dikaji, khalayak tidak akan dapat melihat mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Hal ini kerana mesej tersebut secara tidak langsung dapat menyedarkan manusia ketika mengalami emosi pasif. Menurut M. Darwis Hude (2006:243) realiti kehidupan manusia ibarat roda yang berputar iaitu kegembiraan dan kesedihan yang menutupnya itu datang silih berganti. Namun, kesedaran akan hal ini masih rapuh pada sebahagian manusia. Manusia akan terus-menerus merasa kebimbangan, ketakutan dan kesedihan. Di dalam al-Quran turut menggambarkan bahawa manusia memiliki hati yang keras kerana sehingga diberi peringatan atau tidak manusia tetap tidak akan percaya. Sifat sedemikian adalah sukar untuk diubah kerana telah menjadi patologi seperti penyakit kronik. Lantaran itu, emosi pasif yang terdapat dalam sastera berupaya dalam menyedarkan dan memberikan mesej yang berguna kepada masyarakat melalui penceritaan yang dialami oleh watak-watak dalam teks. Emosi pasif dalam sastera hikayat seperti *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* perlu diketengahkan kerana:

1. Emosi pasif secara berlebihan dan berterusan akan memudaratkan kesihatan fizikal dan mental manusia.
2. Emosi yang terjejas akan mempengaruhi pemikiran manusia ke arah pemikiran yang tidak rasional.
3. Pengawalan emosi diperlukan bagi tujuan merasionalkan emosi pasif.
4. Emosi pasif akan memberi kesan yang buruk kepada diri sendiri, orang lain atau masyarakat jika emosi tersebut tidak dibedung.

Justeru, kajian terhadap emosi pasif dalam teks hikayat seperti *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* perlu dikaji secara mendalam untuk membuka pemahaman kepada masyarakat. Hal ini kerana sekiranya emosi pasif ini yang tidak dapat dibedung akan memberikan implikasi yang tidak baik. Oleh itu, berdasarkan perbincangan di atas, terdapat beberapa persoalan yang timbul iaitu:

1. Apakah jenis-jenis emosi pasif dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*?
2. Apakah punca dan kesan emosi pasif terhadap watak dan perwatakan dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*?
3. Sejauhmanakah rasionalisasi emosi pasif berlandaskan Islam berkesan terhadap watak dan perwatakan dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa objektif iaitu:

1. Mengenal pasti jenis-jenis emosi pasif dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*.
2. Membincangkan punca dan kesan emosi pasif terhadap watak dan perwatakan dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*.
3. Menganalisis rasionalisasi emosi pasif berlandaskan Islam terhadap watak dan perwatakan dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting*.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini akan dapat memberikan kepentingan dan sumbangan terhadap disiplin ilmu, pengkaji dan masyarakat.

1.4.1 Bidang psikologi dan emosi

Lazimnya, pengkajian ilmu psikologi khususnya mengenai emosi lebih banyak tertumpu kepada emosi-emosi manusia di alam realiti. Hal ini kerana kajian-kajian mengenai emosi tersebut lebih tertumpu kepada pengkajian yang melibatkan masyarakat seperti kajian emosi terhadap golongan remaja, pelajar dan pekerja. Namun begitu, pengkajian mengenai emosi lebih meluas dan tidak terhad kerana terdapatnya kajian-kajian mengenai emosi di dalam teks sastera seperti yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Justeru, penumpuan kajian dalam bidang psikologi dan emosi yang akan dilaksanakan oleh pengkaji menggunakan teks sastera hikayat seperti *Hikayat*

Nakhoda Muda dan *Hikayat Parang Puting*. Pengkajian mengenai emosi pula lebih berfokus kepada emosi pasif (emosi negatif). Hal ini kerana emosi pasif lebih menarik untuk dikaji secara mendalam dan terperinci. Malah, melalui kajian ini juga dapat membuka lebih ruang dan pengkajian yang lebih meluas terhadap emosi pasif. Dalam masa yang sama kajian ini juga dapat memberikan sumbangan yang baharu terhadap bidang psikologi dan emosi serta dapat membantu pengkaji-pengkaji yang baharu dalam meneroka bidang ilmu ini.

1.4.2 Sastera Hikayat

Kekurangan kajian terdahulu terhadap sastera hikayat seperti teks *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Parang Puting* menjadi salah satu faktor pengkaji menggunakan teks sastera hikayat sebagai data kajian. Pengkajian ini secara tidak langsung dapat membantu dalam memperbanyakkan kajian terhadap sastera hikayat khususnya sastera hikayat zaman peralihan. Tambahan pula, kajian ini juga dapat membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk melaksanakan kajian terhadap sastera hikayat.

1.4.3 Bidang Ilmu Teori *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT)

Lazimnya, teori ini banyak diguna pakai dalam bidang kaunseling terutamanya yang melibatkan individu yang mengalami gangguan emosi. Gangguan emosi tersebut juga dikenali sebagai emosi pasif. Oleh yang demikian, penggunaan teori ini digunakan kerana bersesuaian dan selari dengan pengkajian ini yang lebih menumpukan kepada emosi pasif. Teori yang digunakan ini menggunakan teori yang asal namun, diubahsuai mengikut kesesuaian teks sastera. Hal ini secara tidak langsung dapat memperluaskan penggunaan teori ini terhadap teks sastera malah, dapat membuka ruang kepada pengkaji baharu untuk menyebarluaskan dan menambahbaikan teori ini.

1.4.4 Masyarakat

Kajian mengenai emosi ini juga dapat memberikan sumbangan dan kepentingan kepada masyarakat. Hal ini kerana kajian ini yang menumpukan kepada emosi pasif (emosi negatif) dapat menjelaskan sebab dan akibat yang mendorong kepada kewujudan emosi pasif dalam diri individu. Dalam masa yang sama, kajian ini juga akan turut menghuraikan kaedah atau rasionalisasi emosi pasif berdasarkan teks sastera. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat mengenai sebab dan akibat jika emosi pasif tidak dikawal dan tidak dibedung serta dapat membantu masyarakat dalam menjalani kehidupan yang lebih baik dari segi emosi khususnya.

1.5 Batasan Kajian

Sastera hikayat Melayu meliputi tiga zaman iaitu zaman Hindu, Hindu-Islam dan Islam. Kajian ini hanya berfokus kepada sastera hikayat zaman peralihan Hindu-Islam (zaman peralihan). Menurut Liaw (1978:102-103) sastera hikayat ini tidak

